

19 NOV 2001

Peguam Negara

GANI PATAIL DILANTIK PEGUAM NEGARA

Oleh: Abdul Muin Majid

PUTRAJAYA, 19 Nov (Bernama) -- Datuk Abdul Gani Patail, ketua bahagian pendakwaan di Pejabat Peguam Negara, dilantik sebagai Peguam Negara yang baru.

Beliau menggantikan Datuk Seri Ainum Mohd Saaid yang meletakkan jawatan kerana sebab-sebab kesihatan.

"Peletakan jawatan Ainum diterima oleh kerajaan hari ini," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim pada sidang media di sini.

Pelantikan Abdul Gani berkuatkuasa 1 Jan tetapi beliau akan memulakan tugas Peguam Negara sebaik saja Ainum bercuti tidak lama lagi, katanya.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) bersetuju supaya Datuk Gani Patail mengambil alih tugas Peguam Negara daripada Ainum," kata Dr Rais.

Beliau berkata bahawa disebabkan keadaan kesihatan Ainum, kerajaan hari ini bersetuju menerima peletakan jawatan beliau.

Ainum menempa nama dalam sejarah negara kerana menjadi wanita pertama dilantik sebagai Peguam Negara pada 1 Jan tahun ini.

Pada September lepas, beliau bercuti sakit akibat masalah tiroid yang sudah lama dihidapinya.

Ainum memberitahu pemberita minggu lepas bahawa kesihatannya masih kurang baik tetapi beliau sedang cuba berdepan dengan keadaan itu.

Dr Rais hari ini berkata dalam surat peletakan jawatan kepada kerajaan, Ainum menyebut bahawa keadaan kesihatannya menghalang beliau daripada meneruskan tugas beratnya sebagai Peguam Negara.

Peguam Negara adalah Pendakwa Raya negara ini yang mempunyai kuasa mutlak sama ada untuk mendakwa seseorang dan memilih tuduhannya.

Dr Rais berkata Ainum membayangkan hasrat beliau untuk bersara beberapa bulan lepas.

Gani, 46, yang berasal dari Sabah, adalah lulusan undang-undang dari Universiti Malaya.

Beliau menjadi Ketua Bahagian Pendakwaan sejak 1994 dan telah berkhidmat sebagai Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa dan juga sebagai Pesuruhjaya Kajian Semula Undang-undang.

Ketika dihubungi oleh Bernama, Gani enggan mengulas pelantikannya, dengan berkata beliau hanya akan berbuat demikian esok.

Dr Rais berkata beliau yakin Gani dapat melaksanakan tugas sebagai Peguam Negara dengan cekap dan berkesan, dengan berpegang kepada keluhuran undang-undang.

Katanya kerajaan berterima kasih kepada Ainum kerana khidmat beliau yang cemerlang sebagai Peguam Negara sejak setahun lepas dan beliau percaya pengalamannya dalam bidang perundangan akan diperlukan dari semasa ke semasa.

Ketika ditanya sama ada Gani telah diberitahu mengenai pelantikan itu, Dr Rais berkata ia urusan pentadbiran biasa yang akan disusuli oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

"Saya telah bertemu dengan beliau (Gani). Datuk Seri Ainum juga telah menemui saya pagi tadi untuk membawa sampul surat mengandungi surat peletakannya. Surat itu diserahkan kepada KSN hari ini juga," katanya.

Katanya Ainum memerlukan beberapa hari untuk membereskan beberapa perkara sebelum beliau bercuti.

"Saya meminta beliau uruskan nota penyerahan tugas kepada Datuk Gani

supaya kakitangan lain, sekurang-kurangnya pegawai-pegawai kanan Pejabat Peguam Negara akan dapat menjalankan tugas seperti biasa dan terlibat dalam semua perkara yang perlu diselesaikan di mahkamah serta keperluan pentadbiran dan perundangan yang juga harus diselesaikan," kata Dr Rais.

Ketika ditanya mengenai keadaan tiroid Ainum, katanya beliau tidak dapat memberikan butir mengenai keadaan kesihatannya kerana ia perkara sensitif dan peribadi.

"Beliau mengalaminya sejak beberapa bulan lepas. Apa yang dapat saya katakan ialah sejak tiga atau empat bulan lepas, keadaan kesihatannya semakin ketara dan saya pasti ia menyukarkan beliau," kata Dr Rais.

Ditanya sama ada Ainum telah "didesak" untuk meletakkan jawatan, Dr Rais berkata: "Saya tidak akan tunduk kepada spekulasi seumpama itu. Tetapi ingin saya nyatakan kepada anda sekarang bahawa spekulasi itu tidak berasas. Saya berinteraksi dengan beliau setiap minggu. Jadi saya fikir saya layak untuk menyatakan bahawa saya lebih tahu mengenai keadaan itu."

Beliau juga berkata bahawa sebagai Peguam Negara yang baru, Gani akan melakukan "penyusunan semula" jabatan itu.

"Beliau akan mencadangkan kepada kerajaan pelbagai perubahan yang perlu dijalankan, jika diperlukan. Bagi pegawai tinggi lain di situ, saya fikir masa yang akan menentukan di mana dan bila mereka akan pergi, sekiranya mereka pergi, ke peringkat yang telah ditentukan bagi mereka," katanya.

Mengenai jawatan Peguam Cara Negara Datuk Heliliah Mohamed Yusof, orang kedua paling kanan dalam Pejabat Peguam Negara, beliau berkata: "Beliau masih belum bersara lagi, jadi jangan bincangkannya. Beliau masih di situ dan Datuk Heliliah sedang menjalankan tugasnya. Kami tidak akan buat spekulasi.

Ditanya mengenai cadangan oleh DAP bahawa pelantikan seorang menteri sebagai Peguam Negara akan bermakna lebih kebertanggungjawapan kepada Parlimen, Dr Rais berkata ianya tidak akan membawa banyak perbezaan.

"Kerana Peguam Negara, pertamanya adalah penasihat undang-undang kepada kerajaan, dan beliau sama ada lelaki atau wanita juga merupakan ketua pendakwa raya di negara ini. Apa yang beliau lakukan, kerajaan perlu dimaklumkan dan menteri berkenaan pula akan sentiasa boleh mengemukakannya di Parlimen," katanya.

-- BERNAMA

MAM AU RHM